

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN
TENTERA (PERHEBAT)

TEMPAT: INSTITUT KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN (IKK) PERHEBAT SG BULOH

TARIKH: 02 SEP 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan kerana menjemput saya untuk merasmikan Perbadanan Hal Ehwai Bekas Angkatan Tentera atau PERHEBAT pada hari ini.

2. PERHEBAT adalah perbadanan yang ketiga ditubuhkan di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera selepas Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) pada tahun 1984 dan Perwira Harta Malaysia pada tahun 1985. Saya masih ingat lagi pada tahun 1985 di mana selaku Menteri Pertahanan pada masa itu saya telah dijemput untuk membuka secara rasmi Bangunan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Sehingga kini saya masih mengikuti dengan rapi perkembangan dan Kemajuan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam usahanya untuk mempertingkatkan sumbangan dan khidmatnya kepada anggota-anggota angkatan tentera.

3. Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap kebajikan dan kepentingan bekas anggota tentera. Ini adalah kerana Kerajaan dan negara berasa terhutang budi kepada anggota tentera yang telah menyumbang sebahagian besar masa muda mereka untuk mempertahankan negara. Sama ada negara menghadapi ancaman perang atau tidak, adanya tentera yang cekap dan berani memberi ingatan kepada sesiapa yang mempunyai niat menyerang negara. Alhamdulillah, kita masih dapat memenuhi keperluan pertahanan kita dengan ramai anak-anak muda kita yang secara rela hati menyertai angkatan tentera. Kita tidak perlu mengadakan kerahan tenaga untuk maksud ini.

4. Adalah menjadi tanggungjawab masyarakat dan negara pula untuk memberi perhatian kepada kebajikan bekas anggota tentera sebagai mengenang jasa mereka. Pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan anggota-anggota ATM tidak terbatas semasa mereka berada dalam perkhidmatan sahaja, bahkan kerajaan sentiasa prihatin terhadap bekas perajurit.

5. Dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 1984 hingga tahun 1993, saya difahamkan sejumlah 53,417 anggota tentera telah tamat perkhidmatan mereka. Secara purata setiap tahun 5,300 anggota tentera menamatkan perkhidmatan mereka dengan angkatan tentera. Masalah yang dihadapi oleh bekas perajurit adalah berkisar kepada persoalan bagaimana hendak mengganti punca pendapatan yang

hilang. Bagi seseorang bekas tentera peluang untuk mendapat sesuatu pekerjaan atau menjalankan sesuatu perniagaan akan bergantung kepada beberapa faktor seperti pengalaman sebagai anggota tentera, taraf pelajaran dan pengetahuan, harta yang boleh dijadikan modal dan cagaran, pendedahan terhadap keadaan sekitar yang semakin berubah dan persaingan dalam pasaran buruh.

6. Dalam usaha kita menuju matlamat Wawasan 2020, adalah penting potensi tenaga kerja bekas perajurit dirancang dengan teliti agar kemahiran mereka tidak disia-siakan untuk diri mereka dan untuk negara.

7. Justeru itu, HEBAT yang telah di `corporatised' dan dinamakan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) diharap akan lebih berkesan dalam tugas-tugas bergerak dan bertindak untuk melatih bekas-bekas perajurit. Penubuhan PERHEBAT adalah sesuai sekali dengan peredaran zaman bagi menangani isu-isu semasa yang semakin mencabar dan kompleks.

8. Dalam hal ini tumpuan harus diberikan kepada latihan kemahiran dan kecekapan, pengurusan, dan yang terpenting sekali ialah sikap dan etika bekerja. Ini adalah kerana bekerja di luar tentera berbeza dengan dalam tentera. Sementara dalam tentera kesetiaan adalah kepada Kerajaan melalui pegawai yang mewakilinya, dalam dunia perniagaan kesetiaan adalah kepada pelanggan. Layanan kepada pelanggan akan menentukan sama ada bekas tentera akan berjaya atau tidak. Oleh itu, adalah penting PERHEBAT memberi penekanan kepada penyesuaian sikap dan etika di kalangan bekas tentera dalam latihan yang diberi.

9. Bagi membantu PERHEBAT, Kerajaan telah meluluskan sebuah tabung khas, iaitu Tabung Bekas Perajurit, dengan peruntukan `grant' permulaan sebanyak RM30 juta pada tahun pertama dan RM26 juta untuk tahun-tahun berikutnya. Tidak ada pesara daripada perkhidmatan lain yang diberi bantuan seperti ini. Adalah juga diharapkan pihak swasta dan korporat dapat memainkan peranan mereka dalam menjayakan percubaan bekas perajurit untuk mendapat gantian sara hidup mereka.

10. Kita tidak perlu membuat persediaan berperang untuk menjamin keamanan bagi negara kita. Tetapi juga kita tidak boleh membiarkan keupayaan pertahanan kita merosot dan lemah sehingga pihak lain tidak menghormati kebebasan kita.

11. Malangnya kos penyelenggaraan tentera sekarang begitu tinggi sehingga kita tidak dapat mengadakan `standing army' yang mencukupi. Oleh itu, kita terpaksa bergantung kepada `reserve army'. Walaupun pesara daripada tentera sudah pun berbakti kepada negara, tetapi kita berharap mereka akan sanggup menyumbang tenaga kepada pasukan `reserve' kita. Saya percaya khidmat ini tidak begitu berat terutama bagi mereka yang sudah terlatih dalam tentera. Hanya sedikit masa sahaja yang diperlukan untuk mencanai semula kecekapan

pertahanan. Jika pesara daripada tentera dapat menawarkan khidmat mereka, maka dapatlah kita membekalkan negara dengan pasukan keselamatan yang mencukupi tanpa kos yang terlalu tinggi. Saya yakin kita boleh berharap kepada patriotisme bekas perajurit kita.

12. Kestabilan sosial, politik dan ekonomi negara tidak dapat dipisahkan daripada faktor keselamatan dalam dan luar negara. Sesebuah negara itu akan hancur berkecai andainya ancaman keselamatan dalam dan luar negara tidak dapat dikawal dan dibendung. Alhamdulillah, kita di Malaysia bukan sahaja dapat mengekalkan keamanan dan keselamatan dalam negara malah negara kita mengambil bahagian secara aktif di peringkat antarabangsa melalui program pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu. Sementara penyertaan kita dengan pasukan pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu meninggikan maruah kita, pengalaman semasa bertugas dengan Bangsa-Bangsa Bersatu amatlah berguna bagi peningkatan kecekapan kita dalam bidang ketenteraan. Sekarang ini anggota tentera kita lebih cekap dan berpandangan lebih luas.

13. Kelahiran PERHEBAT bukan hanya sekadar untuk mengambilalih fungsi HEBAT tetapi untuk memperluas dan menambahkan fungsi- fungsi baru untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada bekas perajurit. Saya harap PERHEBAT dapat bergerak maju dan berjaya dalam usahanya untuk melahirkan bekas anggota-anggota tentera yang dapat berdikari dalam kehidupan awam.

14. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT).